

Belanjawan 2021, Perkasa Sektor Kesihatan Antara Agenda Utama

KUALA LUMPUR: Memperkasakan sektor kesihatan dan pelancongan negara adalah antara agenda kerajaan dalam Belanjawan 2021, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi) Datuk Seri Mustapa Mohamed.

Belanjawan yang disifatkan mencabar itu akan turut memberi perhatian dalam memastikan keperluan asas negara seperti makanan, akan sentiasa mencukupi, kata beliau pada sesi temubual dalam program Agenda Awani yang disiarkan malam tadi.

"Bagi menangani isu kesihatan, sudah pasti hal-hal berkait rapat dengan Kementerian Kesihatan terutamanya berkaitan dengan anggota barisan hadapan (frontliners), harus diberi perhatian.

"Salah satu sebab kenapa kita masih belum dapat pulih adalah kerana sempadan negara masih ditutup. Ini menjelaskan ekonomi negara, maka sektor pelancongan umpamanya, perlu digerakkan semula," katanya.

Mustapa berkata, meskipun negara masih bergelut memerangi pandemik COVID-19, kerajaan tetap perlu berbelanja bagi memastikan ekonomi negara kekal stabil. Beliau menjelaskan kerajaan mendapat saranan untuk mempertingkatkan perbelanjaan pada tahun hadapan, antaranya dalam cabang infrastruktur bagi melonjakkan pertumbuhan ekonomi yang lebih pesat selepas kemerosotan yang teruk akibat COVID-19. Beliau menambah walaupun penguncutan ekonomi pada tahun ini menyebabkan hasil kutipan kerajaan merudum dengan ketara, kerajaan terus komited untuk membantu rakyat.

Belanjawan 2021 akan dibentangkan di Dewan Rakyat pada Jumaat ini.